



## PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR

### JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia (keutamaan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor) yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut:-

JAWATAN	GREED	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	1	Tetap

#### 1. Butiran Jawatan

- a) Jawatan : Pembantu Tadbir  
(Perkeranian/Operasi), N17
- b) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- c) Klasifikasi : Perkhidmatan Pentadbiran Dan  
Sokongan
- d) Taraf Jawatan : Tetap

#### Jadual Gaji

Gaji	:	RM928.00 (Min.) – RM3,375.00 (Mak.)
ITKA	:	RM115.00
ITP	:	RM180.00
Elaun Sara Hidup	:	Antara RM150.00 – RM300.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM 95.00

## 2. Syarat Lantikan

Calon-calun lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; ( Gaji Permulaan : RM928.00 ) atau  
(ii) Calon-calun yang menduduki dan memiliki Sijil SPM mengikut sistem terbuka, syarat-syarat berikut perlu dipenuhi :-
  - (a) lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya Lulus dalam satu peperiksaan; atau
  - (b) lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut; dan
- (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan/atau mengambil trengkas).

## Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk PSL ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

- (i) mempunyai kelayakan di perenggan 2(c) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (iii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

### 3. CARA MEMOHON

- a. Permohonan hendaklah menggunakan Borang PADAT (1) yang boleh didapati secara percuma di laman sesawang [www.padat.gov.my](http://www.padat.gov.my) dan dialamatkan kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif,  
Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor,  
D/A Muzium Sultan Alam Shah,  
Persiaran Bandaraya,  
40000 Shah Alam.**

- b. Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan hendaklah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab 'A' Para 17 .
- c. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan adalah dianggap tidak berjaya.
- d. Permohonan yang tidak menggunakan borang PADAT (1) dan sijil yang tidak disahkan akan **DITOLAK**.

### 4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 30 JUN 2014 (ISNIN)